

18 NOV 2000

LID-Siva

KONSEP PERKONGSIAN BESTARI AMAT PERLU UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA

LANGKAWI, 18 Nov (Bernama) -- Malaysia kini menjadi contoh dalam memupuk semangat kerjasama menerusi konsep perkongsian bestari antara kerajaan dan persatuan sekerja di rantau ini.

Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata, hubungan yang erat antara kedua-dua pihak itu telah mendapat perhatian daripada negara-negara lain di rantau ini.

Keadaan itu jarang berlaku di negara-negara lain.

"Mereka hairan dengan keadaan ini memandangkan dialog sentiasa diadakan antara kerajaan dan persatuan sekerja," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur.

Siva berkata di Malaysia, Cuepacs sentiasa mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kementerian-kementerian bagi membincangkan pelbagai isu mengenai pekerja.

Siva berkata selain mempunyai wakil dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen), wakil sekerja juga terlibat dalam program teknologi maklumat yang semua ini menunjukkan kerjasama menerusi konsep perkongsian bestari amat penting dalam pembangunan negara.

"Kita bangga dengan pencapaian ini memandangkan hubungan kerjasama menerusi konsep perkongsian bestari dengan kerajaan membawa banyak faedah kepada pekerja", jelasnya.

Kerjasama seperti itu penting memandangkan sumbangan pekerja kepada pembangunan negara amat besar, tambahnya.

Konsep perkongsian bestari yang merupakan agenda penting dalam Dialog Antarabangsa Langkawi yang bermula esok menunjukkan konsep itu boleh dilaksanakan dalam pelbagai aspek hubungan kerjasama dalam kehidupan manusia di era globalisasi.

Objektif perkongsian bestari adalah sama iaitu untuk membantu pembangunan sesebuah negara.

-- BERNAMA

NH PR